

| | | | |
|-------------|--|--------------|---------------------------|
| Headline | 46 MRSM guna program Tutor UMS mulai 2012 | Language | Malay |
| Date | 05 Mar 2011 | Page No | 5 |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Article Size | 228 cm² |
| Section | Dlm Negeri | Color | Black/white |
| Journalist | N/A | ADValue | 2,971 |
| Frequency | Daily | PRValue | 8,913 |
| Circ / Read | 197,952 / 833,287 | | |



46 MRSM guna program *Tutor iLMS* mulai 2012

PUTRAJAYA 4 Mac – Empat Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sebuah Institut Kemahiran Mara (IKM) dijadikan projek perintis bagi pelaksanaan program e-pembelajaran dikenali sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran Pintar Tutor (*Tutor iLMS*)

MRSM berkenaan adalah di Merbok, Kedah; Felda Trolak, Perak; Kota Putra, Besut, Terengganu dan Pekan, Pahang serta IKM Sungai Petani, Kedah.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Seri Idris Jusoh berkata, projek perintis itu dilaksanakan di lima pusat pembelajaran berkenaan sejak Ogos tahun lalu dan dijadual

dilaksanakan di kesemua MRSM dan IKM mulai tahun depan.

“Kita beri tempoh enam bulan kepada pelajar untuk melihat keberkesanan pelaksanaan *Tutor iLMS* dan saya percaya ia dapat dilaksanakan menjelang tahun depan.

“Berdasarkan maklum balas, setakat ini kami dapati 92 peratus pelajar ingin menggunakan semula aplikasi berkenaan kerana ia mampu memendekkan tempoh pembelajaran,” katanya selepas menghadiri majlis pelancaran *Tutor iLMS* di sini hari ini.

Majlis disempurnakan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Idris berkata, kebanyakan pelajar memberikan reaksi bahawa pembelajaran *Tutor iLMS* lebih menyeronokkan, selain tidak terikat dengan pembelajaran dalam waktu sekolah

Menurutnya lagi, selepas projek perintis itu dilaksanakan, aplikasi tersebut akan digunakan di 46 buah MRSM seluruh negara.

Tutor iLMS yang dibangunkan oleh MIMOS Bhd. (MIMOS) adalah aplikasi perisian pembelajaran pintar yang mampu menyediakan kaedah pembelajaran lebih berkesan kepada seseorang pelajar berdasarkan profil dan personaliti sebenar mereka serta kaedah lebih mudah difahami melalui elemen multimedia terkini.

Pada majlis sama, Muhyiddin turut menyaksikan pertukaran dokumen Perjanjian Pelesenan antara MIMOS dan Perfisio Solutions serta pertukaran dokumen memorandum persefahaman antara Mara dan MIMOS.

Melalui perjanjian itu, Mara bertanggungjawab memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyediakan isi kandungan *Tutor iLMS* manakala Perfisio Solutions adalah ejen pemasarannya.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin berkata, *Tutor iLMS* berkemampuan melebarkan teknik pembelajaran

| | | | |
|-------------|--|--------------|---------------------------|
| Headline | 46 MRSM guna program Tutor UMS mulai 2012 | Language | Malay |
| Date | 05 Mar 2011 | Page No | 5 |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Article Size | 228 cm² |
| Section | Dlm Negeri | Color | Black/white |
| Journalist | N/A | ADValue | 2,971 |
| Frequency | Daily | PRValue | 8,913 |
| Circ / Read | 197,952 / 833,287 | | |

melalui nota dalam talian dan soalan latihan tubi.

Beliau menambah, ia menawarkan satu lagi pengalaman baru dalam bidang pembelajaran yang lebih menyeronokkan selaras dengan kemampuan dan kecenderungan minat seseorang pelajar.

“Projek *Tutor iLMS* merupakan satu lagi inovasi dalam cabang perniagaan online Kumpulan Utusan melalui bidang e-pembelajaran.

“Kumpulan Utusan telah berkecimpung dalam e-pembelajaran sejak 2001 melalui Portal Pendidikan Utusan manakala Perfisio Solutions berpengalaman menerajui *Tutor Online* sejak 2007,” katanya.

Beliau menambah, projek *Tutor iLMS* signifikan buat Kumpulan Utusan kerana buat pertama kali berpeluang bekerjasama dengan MI-MOS yang membangunkan teknologi itu dan Mara dalam usaha meningkatkan mutu dan taraf pembelajaran di negara ini.

Katanya, komponen-komponen pembelajaran yang ditawarkan oleh Kumpulan Utusan melalui sisipan *Pendidikan Utusan Malaysia, Akhbar Dalam Pembelajaran (ADaP), e-Lab* serta Portal Pendidikan Utusan, *tutor.com.my* telah banyak membantu para pelajar dan guru meningkatkan tahap pencapaian dalam pelajaran dan menjadi bahan rujukan.